

MSTAR | HIBURAN

## Aishah Azman Bimbang Dilabel 'Kayu'

Ahad, 27 Ogos 2017 6:10 AM

Oleh: [MOHD AL QAYUM AZIZI](#)



Aishah semakin dikenali sebagai pelakon.

**PENDATANG** baharu, Aishah Azman bimbang sekiranya diberi label pelakon 'kayu' oleh peminat yang tidak berpuas hati dengan mutu lakonannya.

Bagaimanapun bekas graduan Diploma Teater dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) ini berkata, dia bersyukur kerana selepas beberapa buah drama lakonannya ditayangkan penonton memberikan reaksi positif.

"Minta dijauhkan dengan gelaran 'kayu' itu. Jujurnya memang saya takut dengan label itu kerana ia mampu memberi impak negatif kepada karier saya.

"Tapi Alhamdulillah setakat ini belum ada yang panggil saya 'kayu' tetapi itu juga tidak boleh buat saya berasa selesa kerana kita tidak tahu apa akan terjadi kemudian hari.

"Apa yang boleh saya lakukan adalah terus berusaha dan belajar bagi memastikan setiap lakonan itu menjadi," katanya kepada *mStar Online*.



Teruskan Membaca

**Artikel Menarik**